



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

1 NOVEMBER 2020

- 1 Operasi Tango tangkap anjing liar**

OLEH

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA



ANJING liar di daerah Manjung akan ditangkap kerana berbahaya kepada orang ramai. - GAMBAR HIASAN

Operasi Tango tangkap anjing liar

LUMUT - Terpaksa berdepan dengan anjing liar agresif dan penduduk menyamar sebagai pemilik adalah antara cabaran yang dihadapi Majlis Perbandaran Manjung (MPM) ketika melaksanakan operasi menangkap haiwan itu sejak akhir September lalu.

Yang Dipertua, Syamsul Hazeman Md. Salleh berkata, ada orang awam yang mengaku pemilik anjing liar berkenaan dan mereka mengambilnya ketika operasi dijalankan.

Bagaimanapun katanya, mereka melepaskannya semula selepas operasi tamat dan perbuatan itu sudah pasti mengganggu tugas mereka untuk mengurangkan jumlah anjing liar.

"Setakat ini kita telah menangkap 55 ekor anjing liar menerusi Operasi Tango di sekitar daerah

Manjung sejak akhir September lalu.

"Ia sebagai langkah untuk meyelesaikan 171 aduan yang diterima termasuk melalui media sosial.

Skuad Tango yang terdiri daripada anggota Jabatan Pelesehan dan Pengukuasaan menggunakan jaring untuk menangkap anjing liar tersebut," katanya di sini semalam.

Tambahnya, skuad itu juga melakukan pemantauan setiap hari bagi mengenal pasti lokasi anjing liar sekitar daerah ini.

Menurut Syamsul Hazeman, kerjasama daripada pemilik anjing amat diperlukan bagi memastikan keselamatan dan ke-sejahteraan penduduk setempat.

"Sila pastikan anjing peliharaan masing-masing tidak dilepaskan ke tempat awam dan

jika tidak mahu membelanya lagi, ia perlu dilupuskan melalui kaedah yang lebih bertanggungjawab," katanya.

Tambahnya, pihaknya menggalu-alukan sebarang maklumat mengenai kehadiran anjing liar di kawasan perumahan.

"Adalah menjadi tanggung-jawab kita bersama memastikan kawasan persekitaran selamat," katanya.

Pemilik anjing perlu mengikuti peraturan Undang-undang Kecil Pelesehan Anjing (Majlis Daerah Manjung) 1993 (Akta 171) dengan memastikan anjing mereka tidak menyebabkan kacau ganggu, bunyi bising, bau, memastikan rumah anjing berada dalam keadaan bersih, memastikan anjing berikat dan mengambil langkah segera terhadap anjing berpernyakit.